- I. **Klik** butang *Cetak Profil Projek* mencetak profil projek yang dipilih dalam format PDF, jika perlu.
- II. **Klik** butang *Ulasan Dengan Senarai Semak* untuk semakan seperti item 3.1.7 dibawah. Atau **Klik** butang *Ulasan Tanpa Senarai Semak* untuk memberi maklumbalas kepada ejen.
- III. **Klik** butang *Edar Permohonan* untuk mengedar permohonan kepada Jabatan Dalam PBT dan **Jabatan Teknikal Luaran**.

3.2.2 Semakan Dokumen


Sistem ini direka untuk membolehkan Urusetia OSC untuk memproses permohonan dengan menggunakan senarai semak dokumen untuk keperluan dokumen untuk memproses permohonan berkenaan kawalan pemajuan. Terdapat lima (5) tugas untuk dilakukan semasa membuat Semakan Pematuhan iaitu :-

- 3.2.2.1 Ulasan Dengan Senarai Semak or Ulasan Tanpa Senarai
- 3.2.2.2 Ringkasan Ulasan
- 3.2.2.3 Menanda dokumen yang tidak patuhi
- 3.2.2.4 Hantar Permohonan ke Peringkat Seterusnya
- 3.2.2.5 Status Maklumbalas ke PSP/SP

3.2.2.1 Ulasan Tanpa Senarai Semak

Sekiranya tiada senarai semak, klik pada **Proses Online (3.2.5) iii) Ulasan Tanpa Senarai Semak**, skrin dibawah akan tertera untuk memberi ulasan kepada PSP/SP dengan kriteria baru. Proses ini adalah untuk memberi ulasan kepada PSP/SP tentang permohonannya tanpa senarai semak. Tekan butang “Ulasan tanpa Senarai Semak” untuk membuat ulasan pada ilustrasi 14 diatas dan ilustrasi seperti dibawah akan tertera.

Ilustrasi 15: Skrin Ulasan Tanpa Senarai Semak




Proses Online (3.2.2.1)

- I. Isi ruang **Kategori Kriteria**, **Nombor Kriteria** dan **Kriteria** dengan nama kriteria yang diperlukan.
- II. Pilih butang **“Tidak Berkaitan”**, **“Tidak Dipatuhi”** atau **“Dipatuhi”** untuk criteria yang dinyatakan diatas.
- III. Isi ruang **“Ulasan”** dengan komen anda untuk dihantar ke PSP/SP.
- IV. Klik pada butang **“Seterusnya”** untuk membuat kriteria baru. Skrin anda akan bertukar seperti di ilustrasi dibawah.
- V. Klik pada dropdown **“Dokumen tidak dipatuhi”** untuk menanda dokumen yang perlu dimuat naik semula untuk kemaskini. .
- VI. Klik pada pautan **“Papar Senarai Semak”** untuk ringkasan senarai semak dan ulasan.
- VII. Klik pada butang **Tamat** untuk menamatkan tugasan.

3.2.2.2 Ringkasan Ulasan

Semua kriteria tidak patuhi akan disenaraikan dibawah. Untuk melihat semua senarai semak, sila tekan pautan “ Lihat Senarai Semak Pematuhan” atau tekan pautan “Dokumen yang tidak dipatuhi” untuk melihat arahan tambahan untuk PSP/SP. Sekiranya semakan telah berakhir, sila tekan butang Tamat.



Ilustrasi 16: Skrin Ringkasan Ulasan


Proses Online (3.2.2.2)

- i. **Klik** pada butang “**Tutup**” untuk menutup ringkasan semakan.

3.2.2.3 Menanda Dokumen yang tidak Patuhi

Setelah menekan dropdown “Dokumen yang tidak dipatuhi” arahan pada ilustrasi 15, ilustrasi 17 akan tertera untuk menanda dokumen yang perlu diubah seperti dibawah akan tertera.

Ilustrasi 17: Skrin Fail yang Perlu Diubah




Proses Online (3.2.2.3) : Menanda

- i. **Klik** pada dropdown disebelah kanan Dokumen yang tidak dipatuhi untuk membuat pilihan.
- ii. **Klik** pada pautan Nama Dokumen untuk menanda dokumen yang tidak dipatuhi.

3.2.2.4 Hantar ke Peringkat Seterusnya

Seperti di ilustrasi dibawah, apabila anda telah menyempurnakan semakan criteria, tekan butang Tamat dan ilustrasi 19 akan tertera. Tekan butang tutup untuk menghabiskan proses ulasan tanpa senarai semak. Penyemak 1 akan menghantar permohonan ke Penyemak 2, Penyemak 2 akan menghantar permohonan kepada Penyemak 3 dan Penyemak 3 akan menghantar maklumbalas kepada PSP/SP. Sekiranya semua criteria dipatuhi, Penyemak 3 dikehendaki untuk membuat edaran kepada AT Dalaman dan Luaran untuk Ulasan dan Perakuan.

Ilustrasi 18: Skrin Ringkasan Senarai Semak



One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox

http://219.95.163.69:8086/osc/commentwochecklist.form?ProjectID=100126&ServiceID=161&CheckListType=Urusetia+OSC&CurrentServiceStage=1&ServiceNk

Senarai Semak Pematuhan

ID Projek : 100126
 Jenis Permohonan : Notis Permulaan Pembangunan
 Peringkat Pemeriksaan : Ulasan Peringkat Terakhir
 Nombor Kriteria (Tidak Dipatuhi) :

Kategori Kriteria :
 Nombor Kriteria :
 Kriteria :

Dokumen yang tidak dipatuhi : Dokumen Permohonan

Status Ulasan : Tidak Berkaitan Tidak Dipatuhi Dipatuhi

[Lihat](#) [i](#) mak Pematuhan

Sebelum


0 kriteria telah lengkap daripada 0 kriteria

Sejarah Tidak Dipatuhi
 Tiada rekod dijumpai

Proses Online (3.2.2.4)

- i. **Klik** pada butang “Cetak” untuk membuat penghantaran ke PSP/SP. Contoh template surat di Lampiran 20.
- ii. **Klik** pada butang “Tutup” untuk menghabiskan proses Ulasan & Semak tanpa senarai semak.

Illustration 19 : Close the Checklist



One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox


http://kuls submission.dbkl.gov.my:8080/osc/ATDalaman/compliancechecklist.form?StaffNo=780808059513&ProjectID=100011&ServiceID=16&CheckListType=Dala

Cetak Senarai Semak


ii

Setelah butang Tutup dipilih, tugas untuk Penyemak 1 & 2 telah selesai. Contoh ibawah merupakan surat yang akan dihantar kepda PSP/SP apabila Penyemak 3 menekan butang Tutup. Untuk Penyemak 3, pengguna ini akan membuat edaran permohonan tersebut seperti di **Proses Online 3.2.3**.

Ilustrasi 20: Skrin Dokumen Maklumbalas



75% Find

 **Majlis Perbandaran Kuantan**
 Jalan Tanah Putih
 25100 Kuantan
 Pahang

Tel: 609-5121666
 Fax: 609-5130644
 Emel:

Pemilik Projek USAHA MESRA JAYA SDN. BHD
ID Projek 100116
Nama Projek CADANGAN MMBINA:- i)12 UNIT RUMAH BERKEMBAR SETINGKAT ii)18 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT DI ATAS LOT(GM11777)(LOT BARU 122759)KG PANDAN JALAN KUANTAN BY-PASS, MUKIM KUALA KUANTAN,KUANTAN, PAHANG DARL MAKMUR.
ID Permohonan 100116 - 1
Jenis Permohonan B01-Pelan Bangunan
Nama Permohonan CADANGAN MMBINA:- i)12 UNIT RUMAH BERKEMBAR SETINGKAT ii)18 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT DI ATAS LOT(GM11777)(LOT BARU 122759)KG PANDAN JALAN KUANTAN BY-PASS, MUKIM KUALA KUANTAN,KUANTAN, PAHANG DARL MAKMUR.
Tarikh Permohonan 14/03/2011 3.14 PM

KEHENDAK-KEHENDAK UNTUK PINDAAN
 Tarikh ulasan : 03/04/2011

Senarai Kehendak-kehendak

No.	Kategori	Kehendak-kehendak	Ulasan
OSC 018	Dokumen (JBPM)	Lampiran Penentuan Kategori Yang Ditandakan	
OSC 019	Pelan (JBPM)	Pelan Pandangan Sisi	
OSC 048	Semakan	Dikehendaki mengemukakan semua salinan pelan dalam bentuk 'hardcopy' dalam tempoh 3 hari	

3.2.2.5 Status Maklumbalas Kepada PSP/SP

Secara “default” sistem akan terus membuat penghantaran kepada PSP/SP. Sekiranya, penghantaran kepada PSP/SP perlu untuk ditangguh, sila tekan pautan Jenis Ulasan di perenggan Ulasan Urusetia OSC seperti di ilustrasi 21 dibawah.

Maklumat Permohonan				
ID Permohonan	: 100063-5			
Jenis Permohonan	: Lain-lain			
Nama Permohonan	: Permohonan memasang lampu jalan di kawasan gelanggang.			
Diserah Oleh	: arch sdn.bhd			
Tarikh Diserahkan	: 20/08/2009, 4:05 PM			
Maklumat Pemprosesan				
Tarikh Mula Pemprosesan	: 20/08/2009			
Tarikh Selesai Pemprosesan	: 20/08/2009			
Baki Hari Pemprosesan	: -74 Hari			
Cetak Profil Projek Ulasan dengan Senarai Semak Ulasan tanpa Senarai Semak Edar Permohonan				
Dokumen (Diserahkan Oleh PSP)				
Jenis Dokumen	PSP	Tarikh		
Dokumen Sokongan	ismail bin ahmad	20 Aug 2009, 16:05		
1 rekod dijumpai.				
Ulasan Urusetia OSC				
Jenis Ulasan	Daripada	Maklumbalas Kepada PSP	Dokumen untuk dikemaskini oleh PSP	Tarikh
Senarai Semak Dokumen	urusetiadbkl	Ya		02 Nov 2009, 02:00
1 rekod dijumpai.				
Ulasan Agensi Teknikal Dalaman PBT				
Tiada rekod dijumpai				
Laporan Lawatan Tapak				
Tiada rekod dijumpai				

Ilustrasi 21: Skrin Status Maklumbalas

Proses Online (3.2.2.5)

- I. **Klik** pada pautan “**Maklumbalas kepada PSP, Ya**” untuk mengubah status penghantaran. Skrin seperti ilustrasi 22 akan tertera.

Setelah menekan “Ya” untuk membuat pertukaran status menghantaran ulasan, skrin seperti dibawah akan tertera. Klik pada kotak yang mempunyai tanda “√” untuk menukarkannya ke status “Tidak”.



Ilustrasi 22: Skrin Status Maklumbalas

Proses Online (3.2.2.5) :

- II. Secara default, Ulasan akan dihantar ke PSP/SP, untuk mengubah status, **biarkan kotak kosong** untuk tidak menghantar atau **klik** pada kotak kosong untuk mendapatkan symbol “√” untuk menghantar.
- III. **Klik** pada butang **Kemaskini** untuk membuat perubahan.

Nota : Sebagai “default” , Ulasan akan dihantar ke PSP/SP, untuk mengubah status, **biarkan kotak kosong** untuk tidak menghantar atau **klik** pada kotak kosong untuk mendapatkan symbol “√” untuk menghantar.

3.2.3 Edar Permintaan kepada AT Dalam/Luaran


Peringkat ini merupakan peringkat yang terakhir untuk **Perkhidmatan Terima, Semak dan Edar Permohonan OSC**, untuk Urusetia OSC. Setelah Urusetia OSC mendapati permohonan telah lengkap, Urusetia OSC perlu untuk mengedar permohonan ke Agensi Dalam seterusnya.

Dari ilustrasi 14, apabila butang **Proses Online (3.2.5): iv. Edar Permohonan** ditekan, skrin seperti ilustrasi 23 dibawah akan tertera.

Urusetia OSC dikehendaki untuk klik pada kotak kosong disebelah kiri nama Agensi Teknikal Dalam/Luaran yang hendak diedarkan permohonan.

Kemudian tekan butang “Hantar” untuk membuat penghantaran kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan di jabatan-jabatan berkenaan.

Ilustrasi 23 : Skrin Edar Permohonan



Proses Online (3.2.3) : Edar

- I. **Klik** butang **Edar Permohonan** pada **ilustrasi 14** dan anda akan dipaparkan **ilustrasi 23**.
- II. **Klik** butang-butang **Agensi Teknikal Dalam** untuk Proses Permohonan.
- III. **Klik** butang **Hantar** untuk membuat penghantaran.

3.3 Terima, Edar Dan Jawab E-Aduan

Tugasan ini adalah untuk memberi maklumbalas kepada aduan-aduan yang diberikan oleh PSP/SP dan Orang Awam berkenaan dengan permohonan untuk pengawalan pemajuan atau perkhidmatan lain. Ada tiga dua jenis aktiviti untuk perkhidmatan ini iaitu :-

3.3.1 Lihat aduan,

3.3.2 Edar aduan

3.3.3 Memaklumbalas aduan.

a. Akses Perkhidmatan

Dari *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan*, Sila **Klik** pada pautan *3.3 Terima, Edar dan Jawab e-Aduan* untuk mendapatkan skrin seperti *Ilustrasi 24* dibawah.



The screenshot shows the OSC e-Pemprosesan system interface. At the top, there is a navigation bar with icons for 'Urusetia OSC', 'AT Dalaman', 'AT Luaran', 'Jawatankuasa OSC', and 'Pentadbiran Sistem'. Below this is a search bar and a message box. The main content area displays a table of complaints with the following columns: ID Aduan, Jenis Aduan, Jenis Permohonan, Tarikh Diserah, Diserah Oleh, and Tindakan. The first row of data is highlighted, and the 'ID Aduan' cell contains the number '1'. The 'Tindakan' cell contains an edit icon. Red boxes and callouts highlight these two elements.

ID Aduan	Jenis Aduan	Jenis Permohonan	Tarikh Diserah	Diserah Oleh	Tindakan
1	Isu Teknikal	Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 142A, KTN)	14 Jan 2010, 11:37	Mohd Arief Syah Bin Mat Yazik	

Ilustrasi 24: Skrin e-Aduan

Proses Online (3.3): Pilih

- I. **Klik** pada **ID Aduan** untuk melihat aduan, atau
- II. **Klik** pada butang aktif **Edit** untuk membuat Maklumbalas.

3.3.1 Melihat e-Aduan

Untuk melihat aduan, Sila **Klik** pada *ID Aduan* untuk melihat maklumat aduan dari PSP/SP atau Orang Awam seperti di *Ilustrasi 25* dibawah akan teretera.

e-Aduan	
ID Aduan:	1
Jenis Aduan:	Isu Teknikal
Jenis Permohonan:	Perihal Tanah- Ubah Syarat Dan Pecah Sempadan (Seksyen 142A, KTN)
Mukim:	Selatan 3
Perincian Aduan:	isu isi di sini
Diserah Oleh :	Mohd Arief Syah Bin Mat Yazik
Tarikh Serahan :	14 Jan 2010, 11:37
<u>Maklumbalas daripada Sekretariat OSC</u>	
Perincian Maklumbalas:	
Maklumbalas Oleh:	
Tarikh Maklumbalas :	14 Jan 2010, 11:37
Maklumbalas Edaran Pihak Berkuasa Lain :	
Tiada rekod dijumpai	


Ilustrasi 25: 'Popup' maklumat e-Aduan

Proses Online (3.3.2): Melihat

1. **Klik** pautan *ID Aduan* pada *Ilustrasi 24* untuk melihat aduan .

3.3.2 Edar e-Aduan

Setelah dapat melihat aduan dan ingin untuk membuat edaran, klik butang aktif 'Edit', disebelah kanan **ID Aduan** yang anda kehendaki. Skrin seperti dibawah akan tertera. Sila Klik butang Edar ke AT Dalaman dan Luaran untuk membuat edaran.



The screenshot shows a web browser window titled 'One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox'. The address bar contains the URL: <http://60.50.49.74:8080/osc/urusetia/ecomplaint.update?update=true&ecomplaintid=8>. The page title is 'e-Aduan'. The form displays the following details:

ID Aduan:	8
Jenis Aduan:	Development control service quality
Jenis Permohonan:	Pelan Landskap
Mukim:	Mukim 16 (Air Hitam)
Perincian Aduan:	tak berkualiti
Diserah Oleh :	Ismail Hamzah
Tarikh Serahan:	27 Dec 2008, 12:28


Below the details, there is a section for 'Maklumbalas daripada Sekretariat OSC'. The 'Perincian Maklumbalas:' field contains the text: 'Permohonan diperingkat Ulasan Jabatan Teknikal Luaran'. Below this, the 'Maklumbalas Oleh:' is 'Urusetia OSC' and the 'Tarikh Maklumbalas:' is '27 Dec 2008, 12:41'. At the bottom of the form, there are two buttons: 'Reset' and 'Hantar'. Below the 'Hantar' button is a link: 'Edar ke Jabatan Dalaman dan Teknikal'.

Ilustrasi 26: 'Popup' Edaran e-Aduan

Proses Online (3.4.4) : Pilihan

- i. **Klik** butang Edar ke AT Dalamandan Luaran untuk menghantar aduan yang dihantar oleh pengadu.

Skrin seperti dibawah akan tertera. Sila Pilih Agensi yang hendak diedar e aduan.




Ilustrasi 27 : 'Popup' Agensi untuk Edaran

Proses Online (3.4.4) : Pilihan

- ii. **Klik** kotak kosong disebelah **Agens Teknikal** untuk dihantar
- iii. **Klik** butang **Edar** untuk membuat penghantaran.

Skrin seperti dibawah akan tertera sebagai Pengesahan.





Ilustrasi 28: 'Popup' Pengesahan Edaran e-Aduan

Proses Online (3.3.2)

- vi. **Klik** pada butang “**Tutup**” untuk menghabiskan proses Ulasan & Semak tanpa senarai semak.
- vii. **Klik** pada butang “**Kembali**” untuk kembali ke halaman sebelumnya.

3.3.3 Maklumbalas Aduan

Setelah dapat melihat aduan dan ingin untuk membuat maklumbalas, klik butang aktif '  ', disebelah kanan *ID Aduan* yang anda kehendaki (*rujuk Ilustrasi 24*). Skrin seperti *Ilustrasi 29* di bawah akan tertera. Sila Taip maklumbalas anda di ruang kosong di sebelah kanan Perincian Maklumbalas.



One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox

http://localhost:8080/osc/urusetia/ecomplaint.update?update=true&ecomplaintid=1

e-Aduan

ID Aduan: 1
Jenis Aduan: Isu Teknikal
Jenis Permohonan: Pelan Konkrit Tetulang
Mukim: Umbai
Perincian Aduan: Tiada Kaitan
Diserah Oleh : mazatul ahmad
Tarikh Serahan: 18 Feb 2010, 11:18

Maklumbalas daripada Sekretariat OSC
Perincian Maklumbalas:

Tarikh Maklumbalas : 18 Feb 2010, 11:18

[Edar ke Jabatan Dalaman dan Teknikal](#)

Maklumbalas Edaran Pihak Berkuasa Lain :

Tiada rekod dijumpai

Ilustrasi 29: 'Popup' Perincian Maklumbalas e-Aduan

Proses Online (3.3.3): Pengisian

- I. **Taip** pada *Ruang Kosong* disebelah Perincian Maklumbalas untuk membuat Maklumbalas.
- II. **Klik** butang *Hantar* untuk dihantar kepada pengadu.
- III. **Klik** butang *Reset* untuk mengisi semula Perincian Maklumbalas.

3.4 Terima, Edar dan Jawab e-Tanya

Tugasan ini adalah untuk melihat dan memaklumbalas pertanyaan-pertanyaan dari PSP/SP dan Orang Awam secara online untuk permohonan pengawalan perancang dan perkhidmatan-perkhidmatan lain-lain. Tiga tugasan utama adalah seperti berikut :-

3.4.1 Melihat e-Tanya

3.4.2 Edar e-Tanya

3.4.3 Jawab e-Tanya

a. Akses Perkhidmatan

Dari *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan*, Sila **Klik** pada pautan *3.4 Terima, Edar dan Jawab e-Aduan* untuk mendapatkan skrin seperti *Ilustrasi 30* di bawah.



ID Pertanyaan	Jenis Pertanyaan	Jenis Permohonan	Tarikh Serahan	Diserah Oleh	Tindakan
1	Isu Bayaran	Pelan Cadangan Nama Jalan	14 Jan 2010, 11:35	Mohd Arief Syah Bin Mat Yazik	

Ilustrasi 30: Skrin e-Pertanyaan

Proses Online (3.4.1): Akses

- I. **Klik** pautan Maklumbalas *e-Tanya* pada *Ilustrasi 3* seperti *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan* arahan II. Untuk mendapatkan *Ilustrasi 30* diatas.
- II. **Klik** butang aktif **Edit** untuk membuat maklumbalas.

3.4.1 Melihat e-Tanya

Untuk melihat Pertanyaan, Sila tekan pautan ID Pertanyaan untuk melihat maklumat pertanyaan dari PSP/SP atau Orang Awam seperti di *Ilustrasi 31* dibawah.

e-Tanya

ID Pertanyaan:	1
Jenis Pertanyaan:	Isu Bayaran
Jenis Permohonan:	Pelan Cadangan Nama Jalan
Mukim:	Selatan 3
Perincian Pertanyaan:	Berapakah caj bayaran yang di kenakan
Diserah Oleh :	Mohd Arief Syah Bin Mat Yazik
Tarikh Serahan :	14 Jan 2010, 11:35

Maklumbalas daripada Sekretariat OSC

Perincian Maklumbalas:

Maklumbalas Oleh:	
Tarikh Maklumbalas :	14 Jan 2010, 11:35

Maklumbalas Edaran Pihak Berkuasa Lain :

Tiada rekod dijumpai


Ilustrasi 31: 'Popup' maklumat e-Tanya

Proses Online (3.4.1): Melihat

1. **Klik** pautan *ID Pertanyaan* pada *Ilustrasi 31* untuk melihat e-Tanya.

3.4.2 Edaran e- Tanya

Setelah dapat melihat Pertanyaan dan ingin untuk membuat **edaran**, klik butang aktif 'Edit', disebelah kanan **ID Pertanyaan** yang anda kehendaki. Skrin seperti dibawah akan tertera. Sila Klik pada Edar ke AT Dalaman dan Luaran untuk membuat edaran.



The screenshot shows a web browser window titled "One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox" with the URL "http://60.50.49.74:8080/osc/urusetia/eenquiry.update?update=true&eenquiryid=1". The page content is as follows:

e-Pertanyaan

ID Pertanyaan: 1
Jenis Pertanyaan: Service provide by MPPP
Jenis Permohonan: Kebenaran Merancang
Mukim: Mukim C (Permatang Pas)
Perincian Pertanyaan: asdasd
Diserah Oleh : Ismail Hamzah
Tarikh Serahan : 30 Jun 2008, 00:16

Maklumbalas daripada Sekretariat OSC

Perincian Maklumbalas: Pertanyaan Anda telah dihantar ke Jabatan Perancang

Maklumbalas Oleh: Urusetia OSC
Tarikh Maklumbalas : 05 Nov 2008, 14:07

Buttons:

Maklumbalas Edaran Pihak Berkuasa Lain :


Tiada rekod dijumpai

Ilustrasi 32: 'Popup' Edaran e-Pertanyaan

Proses Online (3.4.2) : Maklumbalas

- i. **Klik** pada butang **Edar ke AT Dalaman dan Luaran** untuk membuat edaran.

Skrin seperti dibawah akan tertera. Sila Pilih Agensi yang hendak diedar e Tanya.




Ilustrasi 43: 'Popup' Agensi untuk Edaran

Proses Online (3.4.2) : Pilihan

- ii. **Klik** kotak kosong disebelah **AT Dalaman dan Luaran** untuk dihantar
- iii. **Klik** butang **Edar** untuk membuat penghantaran.

Skrin seperti dibawah akan tertera sebagai Pengesahan.





Ilustrasi 34: 'Popup' Pengesahan Edaran e-Pertanyaan

Proses Online (3.4.2)

- iv. **Klik** pada butang “**Tutup**” untuk menghabiskan proses Ulasan & Semak tanpa senarai semak.
- v. **Klik** pada butang “**Kembali**” untuk kembali ke halaman sebelumnya.

3.4.3 Maklumbalas Pertanyaan

Setelah dapat melihat Pertanyaan dan ingin untuk membuat maklumbalas, klik butang aktif ? disebelah kanan *ID Pertanyaan* yang anda kehendaki. Skrin seperti dibawah akan tertera. Sila Taip maklumbalas anda di ruang kosong di sebelah kanan Perincian Maklumbalas.



One Stop Center - OSC Online - Mozilla Firefox

http://localhost:8080/osc/urusetia/eenquiry.update?update=true&eenquiryid=1

e-Tanya

ID Pertanyaan: 1
 Jenis Pertanyaan: Isu Polisi
 Jenis Permohonan: Pelan Cadangan Nama Jalan
 Mukim: Umbai
 Perincian Pertanyaan: Apakah Pertanyaan anda..sila isi di sini
 Diserah Oleh : mazatul ahmad
 Tarikh Serahan : 18 Feb 2010, 11:51

Maklumbalas daripada
 Sekretariat OSC
 Perincian Maklumbalas:

Tarikh Maklumbalas : 18 Feb 2010, 11:51

Reset Hantar

Edar ke Jabatan Dalaman dan Teknikal

Maklumbalas Edaran Pihak Berkuasa Lain :

Tiada rekod dijumpai

Ilustrasi 35: 'Popup' Perincian Maklumbalas e-Pertanyaan

Proses Online (3.4.3): Maklumbalas

- I. Taip pada *Ruang Kosong* disebelah Perincian Maklumbalas untuk membuat Maklumbalas.
- II. Klik butang *Hantar* untuk dihantar kepada orang yang bertanya.
- III. Klik butang *Reset* untuk mengisi semula Perincian Maklumbalas.

3.5 Terima Borang

3.5.1 Gambaran Keseluruhan

Perkhidmatan ini adalah suatu sistem yang direka untuk menyimpan borang-borang untuk persijilan “Certificate of Completion and Compliance” (CCC) atau Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan. Dalam kata lain, ianya adalah suatu pusat simpanan untuk mengumpul kesemua sijil-sijil perakuan siap dan pematuhan untuk rujukan di mana hadapan. Terdapat tiga jenis Borang yang Diterima, iaitu:-

1. Borang B
2. Borang G
3. Borang F

Persijilan ini adalah untuk projek-projek yang telah dibenarkan perlaksanaannya terlebih dahulu atau telah mendapat kebenaran-kebenaran yang diperlukan oleh kebenaran merancang, bangunan dan kejuruteraan.

3.5.2 Mengenai Perkhidmatan

Perkhidmatan ini membolehkan Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai suatu platform untuk merekod dan mengumpul borang-borang yang telah diimbas sebagai rujukan di masa hadapan. Ianya adalah sub sistem elektronik untuk menerima salinan digital borang-borang untuk penyimpanan dan rujukan.


3.5.3 Penggunaan Perkhidmatan

Perkhidmatan ini adalah untuk menerima borang-borang untuk projek-projek yang dilaksanakan selepas mendapat kebenaran kawalan pemajuan. Kepada Urusetia OSC, perkhidmatan ini bertujuan untuk menyimpan borang-borang CCC dalam bentuk digital untuk rujukan.

3.5.4 Akses Perkhidmatan

Dari *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan*, Sila **Klik** pada pautan *3.5 Terima Borang* untuk mendapatkan skrin dibawah. Perkhidmatan ini akan hanya menyenaraikan projek-projek yang telah diluluskan semasa mesyuarat OSC terdahulu seperti di *Ilustrasi 46* dibawah. Terdapat beberapa aktiviti untuk anda lakukan seperti dibawah.

1. Pencarian melalui **ID Projek**: Masukkan *ID Projek* dalam kotak carian dan tekan butang cari untuk memudahkan carian.
2. Pencarian melalui **Sisihan Jenis Projek** : **Pilih Jenis Projek** (Semua, Projek Bina Kemudian Jual (*Build then Sale*), Projek Dilulus oleh *National Investment Committee (NIC)* di bawah Unit Perancangan Ekonomi, Projek Pelaburan Asing dan Projek Kerajaan) untuk menyisih senarai dibawah.
3. Pencarian melalui **Sisihan Mengikut Tajuk Barisan** : **Pilih** sisihan ID Projek, Nama Projek, Jenis Projek, Pemilik Projek atau Nama PSP/SP untuk membuat sisihan.
4. Memilih *ID Projek* yang dicari setelah mendapatkannya: Klik pada *ID Projek* untuk membuat penerimaan Borang B, Borang G atau Borang F (Sijil CCC).



Urusetia OSC > Terima Borang

ID Projek Cari

Jenis Projek

ID Projek	Nama Projek	Jenis Projek	Pemilik Projek	PSP/SP
100001	pelan pembangunan Menara Petronas	Projek Impak Tinggi	SP Setia Holdings Sdn.Bhd.	mazatul ahmad
100002	dengkil	Projek Berkonsepkan Bina Kemudian Jual	EUPE KEMAJUAN	mazatul ahmad

2 rekod sahaja.

** Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox v.3 ke atas serta resolusi melebihi 1024 x 768 pixel **
 Content Copyright © Ministry of Housing and Local Government. All rights reserved.
 System Copyright © YES Enviro Management Sdn. Bhd. All rights reserved worldwide. [Bantuan/Helpdesk](#)

Ilustrasi 36: Senarai Projek untuk Terima Borang

Proses Online (3.5.4): Carian Projek

- I. **Klik** pautan *Terima Borang* pada *Ilustrasi 3* seperti *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan* arahan II. Untuk mendapatkan *Ilustrasi 36* diatas.
- II. **Taip** *Nombor ID Projek* pada ruang disebelahnya dan **Klik** butang carian sekiranya anda mengetahui nombor *ID Projek*.
- III. **Klik** butang “*Dropdown*” Jenis Projek untuk membuat Sisihan untuk mencari projek-projek tertentu.
- IV. **Klik** pautan *Tajuk Barisan* untuk membuat Sisihan mengikut tajuk barisan untuk mencari projek-projek tertentu.
- V. **Klik** nombor *ID Projek* untuk membuat penerimaan Borang.

3.5.5 Pengesahan Projek

Perkhidmatan ini adalah untuk menerima borang-borang untuk projek-projek yang dilaksanakan. Skrin Maklumat Projek akan dipapar seperti pada *Ilustrasi 37* di bawah. **Klik** pada butang *Terima Borang*.



The screenshot shows the OSC ONLINE e-Pemrosesan system interface. The header includes the OSC ONLINE logo, the Malaysian coat of arms, and the text 'Sistem Web Rasmi e-Pemrosesan'. Below the header, there are navigation tabs for 'Urusetia OSC', 'AT Dalam', 'AT Luar', 'Jawatankuasa OSC', and 'Pentadbiran Sistem'. The main content area displays project details for 'Terima Borang' with the following information:

ID Projek	: 100001
Nama Projek	: pelan pembangunan Menara Petronas
Jenis Projek	: Projek Impak Tinggi
Lot Tanah	:
Zon Pembangunan	: Merlimau
Pemilik Projek	: 400020
Tarikh Kelulusan Projek	: 2010-02-17 11:28:53.0
Terima Borang	
Pelan Bangunan	Tiada rekod dijumpai
Pelan Kerja Tanah	Tiada rekod dijumpai
Pelan Jalan Dan Parit	Tiada rekod dijumpai
Lain-lain	Tiada rekod dijumpai

At the bottom of the page, there is a footer with the following text: '** Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox v.3 ke atas serta resolusi melebihi 1024 x 768 pixel ** Content Copyright © Ministry of Housing and Local Government. All rights reserved. System Copyright © YES Enviro Management Sdn. Bhd. All rights reserved worldwide. [Bantuan/Helpdesk](#)'

Ilustrasi 37: Maklumat Projek

Proses Online (3.5.5): Pengesahan & Terima Borang

- I. Sila Sahkan projek yang tertera untuk muat naik borang.
- II. **Klik** butang **Terima Borang** untuk membuat proses penerimaan borang.
- III. **Klik** butang aktif **Edit** untuk membuat semakan dan muat naik semula borang.

3.5.6 Proses Muat Naik Borang

Perkhidmatan ini adalah untuk memuat naik borang yang telah di imbas terlebih dahulu.

Skrin seperti *Ilustrasi 38* berikutnya akan dipaparkan setelah anda menekan butang *Terima Borang* seperti diatas. Terdapat beberapa aktiviti-aktiviti seperti dibawah yang perlu dilakukan:-

- I. **Pilih ID Pelan** untuk memilih permohonan bagi projek berkenaan.
- II. **Pilih Nama Borang** (*Borang B, Borang G atau Borang F (Sijil CCC)*)
- III. **Klik** pada butang *Browse* untuk memuat naik borang yang anda telah imbas terdahulu.
- IV. **Klik** butang *Terima* untuk muat naik.



The screenshot shows the 'Urusetia OSC > Terima Borang' page. The form fields are as follows:

- ID Projek: 100073
- Nama Projek: CADANGAN PEMBINAAN BANGUNAN HOSPITAL 3 TINGKAT DI JALAN TUN RAZAK DI ATAS LOT 54559 (PN 7723) DI BANDAR MAHKOTA, MUKIM KUALA, KUANTAN, PAHANG.
- ID Pelan*: -Pilih- (dropdown menu)
- Nama Borang*: -Pilih- (dropdown menu)
- Borang *: [Empty field] [Browse...]
- [Terima] button

Red annotations in the image indicate the following steps:

- 1: Selecting the ID Pelan dropdown.
- 2: Selecting the Nama Borang dropdown.
- 3: Clicking the Browse... button to upload a file.
- 4: Clicking the Terima button to submit the form.

Ilustrasi 38: Skrin Terima Borang

Proses Online (3.5.6): Muat Naik

- I. **Klik** butang “*Dropdown*” ID Pelan untuk memilih jenis permohonan.
- II. **Klik** butang “*Dropdown*” Nama Borang untuk memilih Borang B, Borang G atau Borang F.
- III. **Klik** butang “*Browse*” untuk mencapai Borang yang telah diimbas dari pengkalan data anda. Klik pada Nama Fail untuk muat naik fail.
- IV. **Klik** butang *Terima* untuk menyelesaikan proses penerimaan borang.

4.0 Pantau Perkhidmatan

a. Gambaran Keseluruhan

Sub Sistem ini adalah suatu sistem yang direka untuk memantau PSP dan perkhidmatan - perkhidmatan yang diberi di dalam sistem ini. Terdapat beberapa jenis pemantauan iaitu:-

- 4.1 Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan
- 4.2 Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan
- 4.3 Pantau Pendaftaran PSP/SP
- 4.4 Pantau Pendaftaran Pemilik Projek
- 4.5 Pantau e-Bayaran
- 4.6 Pantau e-Kad Laporan

b. Mengenai Sub Sistem

Sub Sistem ini membolehkan Urusetia OSC menjalankan pemantauan terhadap perkhidmatan-perkhidmatan yang ada di dalam sistem seperti Permohonan Pengawalan Pemajuan, Permintaan Perkhidmatan dan Perkhidmatan Komunikasi dan juga memantau e Komunikasi dari PSP/SP dan Orang Awam.

c. Penggunaan Perkhidmatan Ini

Perkhidmatan ini adalah perkhidmatan sokongan untuk Urusetia OSC melihat, menyemak dan memberi maklumbalas kepada PSP/SP.

4.1 Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan

Dari *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan*, Sila **Klik** pada pautan 4.1 *Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan* untuk mendapatkan skrin dibawah. Skrin ini menyenaraikan (*secara default*) semua projek-projek yang mempunyai permohonan terawal akan disusun di barisan teratas. Untuk memantau permohonan yang masuk terlebih dahulu, anda lihat permohonan yang berada di barisan atas sekali.

Perkhidmatan ini adalah untuk Urusetia OSC memantau permohonan untuk tujuan-tujuan laporan dan tindakan susulan.

Ilustrasi 39: Skrin Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan



Urusetia OSC > Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan

ID Projek :

[Carian Terperinci](#)

ID Projek	Nama Projek	Pemilik Projek	Jenis Projek	Mukim	Tarikh Didaftarkan
100009	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH INSTITUT OCEANOGRAPHY DAN MARITIM (INOCEM), UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (IIUM) DI. KG. CHEROK PALOH, MUKIM PENOR, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR	UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA KUALA LUMPUR	Projek Kerajaan	Penor	12 Jan 2011
100012	Permohonan Kebenaran Merancang Bagi Tujuan Serahbalik Dan Berimilik Semula Di Bawah Seksyen 204D KTN Untuk Cadangan Pembangunan 'Resort Residence' Secara 'Gated & Guarded' Dan Lot Kediaman Di Atas Lot 44 GM 611, Pelindong, Mukim Beserah, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.	Mohd Qays Yik Bin Abdullah	Projek Biasa	Beserah	15 Jan 2011
100011	Permohonan Kebenaran Merancang Untuk Tujuan Serahbalik Dan Berimilik Semula Di Bawah Seksyen 204D KTN Untuk Cadangan Pembangunan Perumahan Di Atas PT 112234 HSM 70929, Batu 9, Mukim Kuala Kuantan, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur.	Ng Meng Sing	Projek Biasa	Kuala Kuantan	15 Jan 2011
100008	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN (KEDIAMAN) MENGIKUT KAEDAH TUKAR SYARAT DAN PECAH SEMPADAN SERENTAK DARI PERTANIAN KEPADA KEDIAMAN DI BAWAH SEKSYEN 124A, KTN, DI ATAS LOT 3572, MUKIM KUALA KUANTAN, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR	SZ BUILDING CONSTRUCTION SDN BHD	Projek Biasa	Kuala Kuantan	12 Jan 2011
100007	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH RUMAH SETINGKAT DI ATAS LOT PT 11352 (HSM 37834) MUKIM KUALA KUANTAN, KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR		Projek Biasa	Kuala Kuantan	11 Jan 2011
100001	Cadangan Pembangunan Di Atas Lot 61448, Mukim Kuala Kuantan, Pahang Darul	Blumix Properties Sdn	Projek	Kuala	27 Dec 2010

Proses Online (4.1): Carian Projek

- I. **Klik** pautan **Kronologi Pendaftaran Projek dan Permohonan** pada *Ilustrasi 3* seperti *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan* arahan II. Untuk mendapatkan *Ilustrasi 39* diatas.
- II. **Taip** Nombor *ID Projek* pada ruang disebelahnya dan **Klik** butang carian sekiranya anda mengetahui *nombor ID Projek*.
- III. **Klik** pada pautan Tajuk Kolum untuk membuat sisihan
- IV. **Klik** nombor *ID Projek* untuk membuat melihat maklumat pemantauan seperti di *Ilustrasi* di bawah.

4.1.1 Melihat Maklumat Projek

Melalui *Proses Online 4.1: Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan (III)* Klik pada Projek ID/ID Projek untuk mendapatkan seperti di Skrin di bawah

100120	PERMOHONAN SERAHBALIK DAN KURNIA SEMULA DIBAWAH SEKSYEN 204D KTN BAGI LOT 61401 [LOT ASAL 2004 (GRN 8824)] MUKIM KUALA KUANTAN DAERAH KUANTAN PAHANG DARUL MAKMUR	MEDAN MASYHUR SDN BHD	Projek Biasa	Kuala Kuantan	15 Mar 2011
100119	CADANGAN PEMBANGUNAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 75847 (PT 60902 HS(D) 20670) PRIMA BAYU FASA 3 (YG MENGANDUNGI 183 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT DAN 57 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT) DI KAMPUNG KEMPADANG, JALAN KUANTAN-TG. LUMPUR, MUKIM KUALA KUANTAN, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR.	SEBANG DEVELOPMENT SDN. BHD.	Projek Biasa	Kuala Kuantan	14 Mar 2011
100117	Cadangan Pembangunan Diatas PT 102778 (HSD 37738), Pusat Bandar Indera Mahkota, Daerah Kuantan, Pahang Darul Makmur	Tunas Manja Properties Sdn. Bhd	Projek Biasa	Kuala Kuantan	14 Mar 2011
100116	CADANGAN MMBINA:- i)12 UNIT RUMAH BERKEMBAR SETINGKAT ii)18 UNIT RUMAH TERES SETINGKAT DI ATAS LOT(GM11777)(LOT BARU 122759)KG PANDAN JALAN KUANTAN BY-PASS, MUKIM KUALA KUANTAN,KUANTAN, PAHANG DARL MAKMUR.	USAHA MESRA JAYA SDN. BHD	Projek Biasa	Kuala Kuantan	14 Mar 2011

66 rekod , paparan 1 hingga 10. [1,2,3,4,5,6,7](#) [[Seterusnya/ Akhir](#)]

Kronologi Pendaftaran Projek :

ID Projek	100009
Nama Projek	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN SEBUAH INSTITUT OCEANOGRAPHY DAN MARITIM (INOCEM), UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (IIUM) DI. KG. CHEROK PALOH, MUKIM PENOR, DAERAH KUANTAN, PAHANG DARUL MAKMUR
Kategori Projek	Projek Kerajaan
Skala Projek	Sederhana
Lot Tanah / PT	
Seksyen/Mukim	Penor
Pemilik Projek	
Tarikh Daftar	12 Jan 2011, 14:31

Kronologi Permohonan :

ID Permohonan	Jenis Permohonan	Peringkat	Agensi Teknikal	Tarikh Diterima	Tarikh Diselesaikan	Hari Proses	Remark
100009-1	KEBENARAN MERANCANG	Semak Dan Edar	Urusetia OSC	12 Jan 2011		83	N/A

Butir-butir Bantahan :

Tiada bantahan dilaporkan setakat ini.

** Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox v.3 ke atas serta resolusi melebihi 1024 x 768 pixel **
 Content Copyright © Ministry of Housing and Local Government. All rights reserved.
 System Copyright © YES Enviro Management Sdn. Bhd. All rights reserved worldwide. [Bantuan/Helpdesk](#)

Ilustrasi 40: Skrin Projek dan Maklumat Permohonan

Proses Online (4.1.1): Kemas Kini


- I. Klik pada butang pautan **Project ID/ID Projek** untuk melihat maklumat permohonan termasuk Bantahan.

4.2 Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan

Dari *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan*, Sila **Klik** pada pautan 4.2 *Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan* untuk mendapatkan skrin dibawah.

Skrin ini menyenaraikan (*secara default*) semua projek-projek yang mempunyai permohonan terawal akan disusun di barisan teratas. Untuk memantau permohonan yang masuk terlebih dahulu, anda lihat permohonan yang berada di barisan atas sekali.


Untuk melihat Maklumat Permohonan, sila Pilih link ID Projek seperti tanda (2) di ilustrasi 41 dengan menggerakkan “*cursor*” ke atas ID Projek dan klik pada nombor tersebut.



ID Projek	Nama Projek	Pemilik Projek	Jenis Projek	Mukim	Tarikh Didaftarkan	Tindakan
100001	pelan pembangunan Menara Petronas	SP Setia Holdings Sdn.Bhd.	Projek Impak Tinggi	Merlimau	17 Feb 2010	Lihat
100002		EUPE KEMAJUAN	Projek Berkonsepan Bina Kemudian Jual	Bukit Senggeh	18 Feb 2010	Lihat


Ilustrasi 41: Skrin Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan

Proses Online (4.2): Carian Projek

- V. **Klik** pautan *Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan* pada *Ilustrasi 3* seperti *Proses Online 2.2 Pemilihan Perkhidmatan* arahan II. Untuk mendapatkan *Ilustrasi 41* diatas.
- VI. **Taip** Nombor *ID Projek* pada ruang disebelahnya dan **Klik** butang carian sekiranya anda mengetahui *nombor ID Projek*.
- VII. **Klik** icon  untuk mengemaskini Pendaftaran Projek
- VIII. **Klik** “Lihat” link untuk melihat Pendaftaran Projek
- IX. **Klik** pada icon **Klik** nombor *ID Permohonan* untuk membuat melihat maklumat pemantauan seperti di *Ilustrasi 50* di bawah.

4.2.1 Melihat Maklumat Projek

Melalui *Proses Online 4.2: Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan* (III) Klik pada butang pautan "[Lihat](#)" untuk mendapatkan seperti di Skrin di bawah (*Ilustrasi 42*).



The screenshot displays the 'Urusetia OSC > Pendaftaran Projek' page. It shows project details for Lot PT 716, including project ID, category, scale, and name. The project is a residential building with a temporary design. The landowner is not a Bumiputera. A table lists the land details, including the lot number, hakmilik number, seksyen/mukim, daerah, tempoh pajakan, penggunaan tanah, and syarat nyata. The location details include the lot number, address, and various planning zones. The category of construction is residential, and the density is 2 units per acre.

Diserahkan Pada 15 Mar 2011 11:54

ID Projek : 100124
 Kategori Projek : Projek Biasa
 Skala Projek : Kecil
 Nama Projek : PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG BAGI CADANGAN PEMBANGUNAN KEDIAMAN (RUMAH SESEBUAH) MENGIKUT KAEDAH SERAH BALIK DAN BERMILIK SEMUA DI BAWAH SEKSYEN 204D KTN, DI ATAS LOT 716, DARAT GALING, BANDAR KUANTAN, PAHANG DARUL MAKUMUR.

Pemilik Projek :
 Projek dengan Rancangan Tempatan : Ya
 Projek dengan Rancangan Struktur : Ya

Keadaan Tapak Sediada : RATA
 Melibat Setingan di Tapak : Tidak
 Melibat Perobohan Bangunan : Tidak
 Bilangan Struktur Yang Akan Dirobohkan : 0
 Keluasan Tapak Keseluruhan(ekar) :
 Keluasan Tapak Diperuntukan(ekar) : 0.258
 Taraf Milik Tanah : Bukan Bumiputera

Pemilik Tanah

No Lot/PT	No Hakmilik	Seksyen/Mukim	Daerah	Tempoh Pajakan	Penggunaan Tanah	Syarat Nyata
716	1524	BANDAR KUANTAN	KUANTAN	SELAMA-LAMANYA	Bangunan	TANAH INI HENDAKLAH DIGUNAKAN UNTUK SATU UNIT RUMAH KEDIAMAN BANGLO (TIDAK MELEBIHI 2 1/2 TINGKAT) SAHAJA.

1 rekod dijumpai.

Lokasi Projek

Lot Tanah/PT : 716
 Lokasi>Nama Jalan) : JALAN BESERAH
 Daerah : Kuantan
 Seksyen/Mukim : Kuantan
 Kawasan Parlimen :
 Kawasan DUN :
 Zon Guna Tanah :
 Rancangan Struktur :
 Rancangan Tempatan :
 Rancangan Dasar :
 Perlinkungan Kawasan Kawalan :

—Kepadatan / Ketumpatan—

Kategori Pembangunan : Kediaman
 Ketumpatan Dibenarkan, Untuk Kediaman (unit/ekar) : 2

** Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox v.3 ke atas serta resolusi melebihi 1024 x 768 pixel **
 Content Copyright © Ministry of Housing and Local Government. All rights reserved.
 System Copyright © YES Enviro Management Sdn. Bhd. All rights reserved worldwide. [Bantuan/Helpdesk](#)


Ilustrasi 42: Melihat Maklumat Projek

Proses Online (4.2.1): Melihat

- I. Klik pada No Lot PT untuk melihat maklumat Pemilik Tanah.
- II. Sila lihat perincian maklumat tertera untuk semakan.

Dibawah adalah contoh maklumat pemilik tanah dalam sistem.

Ilustrasi 43: Skrin Maklumat Pemilik Tanah



Proses Online (4.2.1)

- iii. **Klik** pada butang “**Tutup**” untuk menghabiskan proses Ulasan & Semak tanpa senarai semak.

4.2.2 Melihat Maklumat Projek Dan Permohonan

Perkhidmatan ini adalah perkhidmatan sokongan untuk **Urusetia OSC** memantau maklumat - maklumat tarikh diedarkan, hari proses dan Status Permohonan seperti dipaparkan di *Ilustrasi 44* di bawah. **Klik** pautan Jenis Permohonan untuk melihat maklumat permohonan.



The screenshot shows the OSC e-Pemprosesan website interface. At the top, there is a navigation bar with the OSC ONLINE logo, the text 'Sistem Web Rasmi e-Pemprosesan', and the Kuantan logo. Below this is a menu bar with options like 'Urusetia OSC', 'AT Dalam', 'AT Luar', 'Jawatankuasa OSC', 'Jawatankuasa Teknikal', and 'Pentadbiran Sistem'. The main content area displays project details for ID 100116, including the project name, category, scale, lot, applicant, and registration date. Below this, a table lists applications for processing, with columns for ID, type, PSP/SP, registration date, processing day, and current status. The first three rows of the table are highlighted with a red box.

ID Permohonan	Jenis Permohonan	PSP/SP	Tarikh Didaftarkan	Hari Proses	Peringkat Sekarang (Status)
100116-3	004-Pelan Pembersihan (Sanitari)	Ar. SAMUEL BIN HAJI ZAINUDDIN	14 Mar 2011	21	Semak Dan Edar (Proses)
100116-2	003-Permit Sementara Bangunan	Ar. SAMUEL BIN HAJI ZAINUDDIN	14 Mar 2011	21	Semak Dan Edar (Proses)
100116-1	001-Pelan Bangunan	Ar. SAMUEL BIN HAJI ZAINUDDIN	14 Mar 2011	21	Semak Dan Edar (Proses)

3 rekod sahaja.

** Paparan terbaik menggunakan Mozilla Firefox v.3 ke atas serta resolusi melebihi 1024 x 768 pixel **
 Content Copyright © Ministry of Housing and Local Government. All rights reserved.
 System Copyright © YES Enviro Management Sdn. Bhd. All rights reserved worldwide. [Bantuan/Helpdesk](#)

Ilustrasi 44: Maklumat Projek serta Permohonan

Proses Online (4.2.2): Melihat

- I. **Klik** pada link “Lihat” di *Ilustrasi 49: Pantau Pendaftaran Projek dan Permohonan* untuk mengemaskini Pendaftaran Projek
- II. **Lihat** maklumat yang diberi untuk pemantauan.

4.2.3 Melihat Maklumat Permohonan

Perkhidmatan ini adalah perkhidmatan sokongan untuk **Urusetia OSC** memantau maklumat - maklumat tarikh diedarkan, hari proses dan Status Permohonan seperti dipaparkan di *Ilustrasi 45* di bawah. **Klik** pautan Jenis Permohonan untuk melihat maklumat permohonan.



The screenshot shows the OSC e-Perprosesan web portal. At the top, there is a navigation bar with the OSC logo, the text 'Sistem Web Rasmi e-Perprosesan', and a 'Mesej' icon. Below this is a secondary navigation bar with icons for 'Urusetia OSC', 'AT Dalam', 'AT Luaran', 'Jawatankuasa OSC', and 'Pentadbiran Sistem'. The main content area displays project details for ID 100001, including the project name 'pelan pembangunan Menara Petronas', project type 'Projek Impak Tinggi', and the applicant 'SP Setia Holdings Sdn.Bhd.'. Below the details is a table of applications for processing, with two records highlighted in a red box. The table has columns for ID Permohonan, Jenis Permohonan, PSP/SP, Tarikh Didaftarkan, Hari Proses, and Status Permohonan.

ID Permohonan	Jenis Permohonan	PSP/SP	Tarikh Didaftarkan	Hari Proses	Status Permohonan
